

## *Penggunaan Klip Video dalam Pembelajaran Kolaboratif*

**Zuraidah Mohd Ariff**

[zuraidah\\_mohd\\_ariff@moe.edu.sg](mailto:zuraidah_mohd_ariff@moe.edu.sg)

Sekolah Menengah Greendale

### *Abstrak*

Dalam usaha untuk menerapkan kemahiran komunikasi abad ke-21, sebuah pakej pembelajaran lisan direncanakan agar para pelajar dapat berkomunikasi dengan berkesan dan berfikir secara kritikal. Berlandaskan semakan Peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa yang bakal dilaksanakan pada tahun 2016, terdapat perubahan ketara yang menekankan kemahiran interaksi lisan dengan penggunaan video sebagai rangsangan. Namun hakikatnya, penggunaan Bahasa Melayu dalam pertuturan merupakan salah satu cabaran bagi para pelajar. Beberapa langkah intervensi telah dilaksanakan bermula daripada pencernaan soalan, proses mengaplikasikan akronim menerusi pembelajaran kooperatif iaitu strategi *World's Café* dan main peran. Melalui aktiviti *Hot Seat*, penilaian rakan sebaya dan maklum balas guru diambil kira untuk meningkatkan mutu prestasi pelajar. Strategi-strategi ini telah direncanakan untuk mendorong para pelajar bukan sahaja untuk berbicara dengan bernas dan matang, namun menaikkan taraf keyakinan diri pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, pakej pembelajaran ini berupaya membantu pelajar melahirkan pendapat secara sistematik dan menyuarakan pendapat dalam lensa yang lebih kritikal.

Kata Kunci: komunikasi, interaksi lisan, pencernaan soalan, akronim, *World's Café*, main peran, *Hot Seat*, penilaian rakan sebaya



## PENGENALAN

Kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam abad ke-21. Melalui komunikasi, seseorang pelajar dapat menyampaikan idea, berkongsi pendapat dan berinteraksi dengan masyarakatnya. Sejajar dengan visi Kementerian Pendidikan, '*Thinking Schools, Learning Nation*', kemahiran bertutur dan berfikir harus dijalankan secara seiringan bagi mewujudkan rakyat Singapura yang berdaya saing, sekaligus melahirkan generasi muda yang mampu berfikir secara kritikal dan berupaya berkomunikasi secara berkesan. Kelemahan mereka berkomunikasi menghambat pelajar menyampaikan idea. Walaupun rangsangan video berjaya menarik perhatian pelajar, pengetahuan pelajar tentang isu yang dibincangkan serta penguasaan bahasa mereka masih lagi lemah sehingga mereka tidak berupaya untuk berkomunikasi dengan baik. Perkara ini menjadi hambatan ketika para pelajar ingin menjawab soalan tahap tinggi dalam interaksi lisan. Maka, kajian pengajaran ini dijalankan untuk memberi garis pandu dan meninjau prestasi pelajar agar mereka dapat mempersiapkan diri untuk menduduki lisan yang berformat baru bagi Peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa yang bakal dilaksanakan pada tahun 2016 kelak.

## TUJUAN KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah seperti yang berikut :

1. untuk membantu pelajar menguasai teknik penyoalan semasa menonton klip video agar mereka dapat mempersiapkan diri tentang tema yang dipaparkan oleh video sebelum berhadapan dengan pemeriksa;
2. untuk membantu pelajar berfikir secara sistematik melalui proses mengaplikasi akronim dalam menyampaikan respons berdasarkan klip video; dan
3. untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri pelajar melalui kaedah pembelajaran kooperatif.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Persekutaran berbahasa yang berbeza pada masa kini telah mengubah kaedah pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas telah mempengaruhi pemikiran pelajar sehingga menjejas penyampaian idea. Perkara ini ketara apabila diteliti respons pelajar yang terlalu ringkas dan kadang-kala dicampuradukkannya dengan Bahasa Inggeris. Kekontangan kosa kata juga menghambat pelajar untuk menjana idea bagi komponen lisan. Hal ini berlaku kerana pelajar kurang membaca dan mengambil tahu kosa kata yang baru. Oleh itu, pakej lisan yang dibina harus menjurus untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengatasi masalah-masalah tersebut. Selain itu, guru harus menjana persekitaran yang sesuai agar pelajar terdorong untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik serta kosa kata yang sesuai.

Berdasarkan pemantauan, para pelajar yang dapat memberikan idea-idea yang bernes didapati pula mereka kurang berupaya untuk melahirkan pendapat yang menyeluruh dan mendalam tentang isu yang dibincangkan. Hal ini dapat dilihat semasa pembelajaran di bilik darjah apabila guru perlu mentafsir isi yang ingin disampaikan. Guru juga perlu membantu pelajar menyampaikan idea dalam bahasa yang lebih baik. Bukan itu sahaja, para pelajar perlu dipimpin untuk memberi pandangan yang disokong dengan contoh-contoh yang sesuai. Pendekatan ini bukan sahaja boleh menyebabkan pelajar menjadi pasif tetapi kemahiran yang ingin disampaikan juga tidak dapat digarap dengan sepenuhnya. Memandangkan akan pentingnya penglibatan aktif pelajar dalam bilik darjah, beberapa kaedah pembelajaran telah direncanakan untuk memberi pelajar peluang untuk melibatkan diri secara aktif dan bekerjasama dengan rakan sebaya.

Keyakinan diri seseorang pelajar akan mempengaruhi kemahirannya untuk berkomunikasi. Hal ini berkait rapat dengan pengetahuan pelajar tentang isu yang dibincangkan dan bahasa yang digunakannya. Selain itu, motivasi dan keyakinan diri turut mempengaruhi keberkesanan komunikasi pelajar. Atas sebab inilah, pendedahan kepada teknik-teknik berfikir diperlukan untuk memandu arah pelajar untuk mempersiapkan diri apabila menonton



rangsangan video yang diberikan. Selanjutnya, para pelajar harus dibekalkan dengan garis pandu agar mereka dapat memberi respons dengan yakin dan berkesan.

## KAJIAN LEPAS

Gardner (1983) menerangkan bahawa kemahiran komunikasi terbahagi kepada tiga elemen iaitu kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran komunikasi intrapersonal dan kemahiran komunikasi bukan lisan di dalam bukunya *Frames of Mind*. Kemahiran berkomunikasi turut melibatkan kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, kemahiran bertutur, kemahiran memberi maklum balas, unsur bahasa dan penampilan. Motivasi dianggap sebagai kunci kejayaan dalam pembelajaran bahasa. Apabila seseorang itu bermotivasi, dia akan terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Sikap positif terhadap pembelajaran dapat meluaskan potensi pelajar bagi pembelajaran yang berterusan serta pembangunan peribadinya. Namun, McCarthy dan Hatcher (2002) mengakui bahawa tidak semua pelajar mempunyai keyakinan yang tinggi untuk bersuara. Terdapat dalam kalangan pelajar yang berasa teragak-agak untuk memberi pendapat di dalam bilik darjah. Pelajar mungkin berasa takut pada kemungkinan idea yang diberikan memalukan diri sendiri dan mereka akan ditertawakan apabila mengatakan perkara yang salah.

Dewey (1933) mengatakan bahawa pendidik yang cekap harus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sebagai proses menyusun atau membina pengalaman secara berterusan. Strategi pembelajaran dan komunikasi harus direncanakan untuk membantu pelajar mengatasi masalah yang dihadapi dalam lisan dan komunikasi. Dalam membantu pelajar membina idea atau pengetahuan baru, guru harus mengambil kira struktur kognitif sedia ada pada pelajar dan menyusun langkah untuk mengatasi kelemahan mereka. Selain itu, penglibatan pelajar di dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran turut diberikan kepentingan. Kaedah pengajaran dan corak penilaian juga perlu dipertimbangkan agar seiringan dengan pendekatan yang menggalak penglibatan pelajar.

Bloom's (1956) membahagikan kemahiran berfikir kepada pengetahuan aras rendah dan aras tinggi iaitu bermula dengan pengetahuan, pemahaman

dan aplikasi. Manakala kemahiran berfikir aras tinggi pula ialah analisis, sintesis dan penilaian. Kemahiran berfikir aras tinggi ini dilihat sebagai satu kepentingan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Namun, meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam diri pelajar bukan satu tugas yang mudah. Guru harus mahir menggunakan kaedah teknik penyoalan *socratic* di dalam bilik darjah, bukan menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional, iaitu *chalk and talk* yang sekadar untuk memberi maklumat. Guru boleh mencabar pemikiran pelajar atau menimbulkan perasaan ingin tahu dan minat pelajar, sekaligus membantu pelajar mendapatkan idea serta mengukuhkannya dalam bentuk lisan.

Vygotsky (1978) menerangkan bahawa pendidikan bahasa melibatkan proses kognitif dan proses interaksi bahasa. Proses kognitif penting dalam perkembangan bahasa kerana pemahaman pelajar terhadap sesuatu perkara berakar umbi daripada persekitaran sosialnya. Lantas, pemikiran seseorang berkait rapat dengan pengalaman berinteraksi dengan masyarakat di sekelilingnya. Selaras dengan pendapat Kagan (1994), pembelajaran kooperatif membawa banyak keberkesanan atau faedah seperti meningkatkan kemahiran sosial dan keyakinan diri. Bertitik tolak daripada ini, pembelajaran secara berkolaborasi menyediakan pelbagai peluang bagi pelajar untuk berinteraksi dan meraih manfaat daripada interaksi yang berlaku dalam kerja kumpulan. Jelas, interaksi dengan rakan amat penting kerana melalui aktiviti berkumpulan, pelajar diperkenalkan kepada cara pemikiran dan pertuturan yang baharu apabila mereka berinteraksi dengan rakan yang lebih baik penguasaan bahasa mereka, sekaligus menjana kepada perkembangan kognitif yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian kuantitatif telah dipilih memandangkan matlamat utama kajian ini adalah untuk memantau sejauh mana langkah-langkah intervensi berjaya membantu pelajar melahirkan pendapat dengan cara yang sistematik dan menyuarakan pendapat dalam lensa yang lebih kritikal. Pemantauan dan pemerhatian rapi dilakukan bagi mengumpul data yang diperlukan. Markah pelajar diambil kira bagi melihat sejauh mana keberkesanan kaedah yang digunakan.



## **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 29 orang pelajar Menengah 1 Ekspres kerana mereka akan menduduki ujian lisan berformat baru yang menggunakan rangsangan video sebagai bahan ujian. Mereka mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang sederhana. Daripada 29 orang pelajar ini, golongan keupayaan tinggi (HA), keupayaan sederhana (MA) dan keupayaan rendah (LA) telah dikenal pasti. Hal ini dilakukan untuk memantau markah mereka dan melihat sejauh mana langkah intervensi berjaya membantu pelajar yang memiliki tahap kemahiran yang berbeza.

## **Instrumen Kajian**


Instrumen kajian merupakan tinjauan praujian, ujian pertengahan dan pascaujian, yang dijalankan untuk mendapatkan data. Melalui proses kajian ini, rancangan pengajaran telah diubah suai setelah menganalisis daptan daripada prestasi pelajar menerusi pembelajaran di bilik darjah, aktiviti kerja kumpulan dan persembahan. Antara kaedah yang digunakan ialah teknik penyoalan semasa menonton klip video. Para pelajar harus mencerna soalan-soalan berdasarkan perspektif peribadi, keluarga, sekolah, masyarakat atau negara berdasarkan tema yang diberikan dalam rangsangan video. Hal ini dilakukan agar para pelajar dapat mempersiapkan diri dan menjangka soalan sebelum bertemu dengan pemeriksa.

Selanjutnya, kaedah akronim A/S(K $\pm$ P $^2$ )/X telah diolah untuk dijadikan instrumen kajian ini. Kaedah akronim ini terdiri daripada A – aktiviti, S – saranan, K – kesan,  $\pm$  – baik/buruk, P – pengalaman, P – pengajaran, ✓ – setuju dan X – tidak setuju. Bagi soalan pertama yang bersifat peribadi, pelajar harus mengenal pasti aktiviti yang terdapat dalam video. Bagi melanjutkan perbincangan, pelajar perlu memberi pendapat tentang kebaikan dan keburukan aktiviti tersebut. Untuk mengukuhkan penyampaian, pelajar boleh menceritakan pengalaman peribadi berdasarkan isu yang diutarakan.

Bagi soalan kedua yang berdasarkan tema masyarakat, pelajar harus memberikan saranan bagi permasalahan yang dikenal pasti. Berikut itu, dibincangkan pula kebaikan dan keburukan saranan tersebut disertai dengan

pengajaran atau nilai yang boleh dipelajari melalui isu tersebut. Soalan terakhir lazimnya berdasarkan tema yang berkait dengan hal-hal dalam atau luar negara. Pelajar perlu memberi pendirian terhadap sebuah pernyataan yang diberikan yang mana mereka harus membincangkan kedua-dua pendapat sebelum menetapkan pendirian agar perbincangan mereka lebih menyeluruh. Kaedah akronim telah dipermudah dan disimpulkan melalui rajah berikut.

Rajah 1 : Kaedah Akronim



Tujuh buah klip video telah digunakan semasa pengajaran dan penilaian guru. Senarai semak rakan sebaya dan rubrik lisan yang dibina oleh pihak SEAB sebagai panduan dan penilaian turut digunakan. Terdapat dua tahap putaran dalam kajian ini. Putaran pertama telah dijalankan selama tiga minggu pada penggal dua sementara putaran kedua dijalankan selama dua minggu pada penggal tiga. Maka, jumlah masa yang diperlukan untuk kajian ini ialah lapan minggu termasuk tiga minggu yang dikhatuskan untuk penilaian. Kajian ini telah dijalankan oleh dua orang guru yang bukan sahaja ahli PLC (*Professional Learning Community*) Jabatan Bahasa Ibunda, malahan mereka juga mengajar pelajar-pelajar tersebut.

### Prosedur Kajian

Satu ujian lisan diagnostik telah dijalankan untuk mengukur kebolehan pelajar dalam penyampaian lisan. Pelajar menonton video bertemakan aktiviti di perpustakaan dan memuatnaikkan respons lisan dalam bentuk rakaman audio melalui portal *AsknLearn*.



## **Kitaran pertama**

Pada pengajaran pertama, sebagai set induksi guru memainkan beberapa rakaman lisan pelajar. Apabila para pelajar mendengar sendiri rakaman tersebut, mereka dapat mengenal pasti dan menyedari bahawa jawapan mereka sangat ringkas dan idea tidak dikembangkan secara menyeluruh. Matlamat pengajaran ini adalah untuk mencerna soalan dengan menggunakan teknik ASIBIDIBAM singkatan bagi apakah, siapakah, bilakah, di manakah, bagaimanakah dan mengapakah. Namun, pengkaji mendapati bahawa ada sesetengah pelajar membina soalan-soalan bertahap rendah. Maka, guru memperbaiki kelemahan tersebut dan memberi rangsangan dan galakan agar para pelajar dapat membina soalan-soalan yang memerlukan respons berdasarkan tiga kategori - individu, masyarakat dan negara. Langkah ini penting supaya para pelajar dapat memikirkan soalan-soalan yang membolehkan mereka mengupas dan menghuraikan isu yang dipaparkan melalui klip video. Para pelajar turut membandingkan soalan mereka dengan soalan pemeriksa untuk melihat ketepatan penggubalan soalan serta menjangkau soalan yang mungkin akan diajukan dalam ujian lisan.

**Rajah 2 : Daftar Soalan-soalan yang Dibina Pelajar Semasa Pencernaan Soalan**

	Tahap Rendah	Tahap Tinggi
A	Apakah perpustakaan?	Apakah aktiviti-aktiviti yang boleh kamu lakukan di dalam perpustakaan?
SI	Siapakah yang memulakan idea membina perpustakaan?	Siapakah golongan yang sering ke perpustakaan?
BI	Bilakah perpustakaan dibuka?	Bilakah seseorang boleh mengunjungi perpustakaan?
DI	Di manakah perpustakaan ditempatkan?	Di manakah kita boleh mencari maklumat selain di perpustakaan?
BA	Bagaimanakah pustakawan mengatur buku?	Bagaimanakah perpustakaan boleh mendorong pelajar memupuk minat membaca?
M	Mengapakah perpustakaan dibina?	Mengapakah perpustakaan memainkan peranan penting dalam masyarakat?

Sebahagian besar pengajaran tertumpu pada kaedah mengaplikasikan akronim untuk menjawab soalan. Guru menunjukkan contoh secara bertulis bagaimana hendak menggunakan akronim dalam penyampaian lisan. Sebagai latihan pengukuhan, dua buah klip video berkenaan kitar semula dan internet telah dikupas. Percikan kata (*Word Splash*) mengenai tema diberikan kepada pelajar sebagai nota panduan.

Kaedah pembelajaran kooperatif seperti *World's Café* digunakan untuk klip video yang bertemakan kitar semula. Rutin yang sama digunakan di mana pelajar mencerna soalan dan menjawab secara sistematik dengan menggunakan kaedah akronim. Dengan cara ini, pelajar secara tidak langsung telah terbiasa dengan kaedah akronim dan lebih terdorong untuk mengingati akronim tersebut.

Dalam aktiviti berkumpulan pula, para pelajar menyumbang saran idea melalui kaedah *World's Café*. Guru memberikan setiap kumpulan satu soalan berdasarkan video. Kemudian, setiap kumpulan harus membincangkan kesemua aspek soalan dan mengaplikasikan akronim  $A/S(K \pm P^2)/X$ . Terdapat enam kumpulan kesemuanya dan tiga soalan perbincangan. Wakil kumpulan akan mencatat dan menerajui perbincangan. Setelah tamat pusingan pertama, wakil kumpulan akan tetap berada dalam kumpulan sementara anggota-anggota yang lain bergerak dan berinteraksi dengan kumpulan anggota lain untuk mendapat dan berkongsi maklumat. Dalam pusingan kedua dan ketiga, wakil kumpulan harus merumuskan perbincangan pusingan pertama dan menambah idea baru. Ahli kumpulan yang bergerak pula perlu mengumpul maklumat daripada kumpulan yang lain. Terdapat tiga pusingan kesemuanya dan pada akhir sesi *World Café*, wakil kumpulan akan membentangkan perbincangan. Penilaian rakan sebaya dan maklum balas guru diambil kira untuk meningkatkan mutu prestasi pelajar.

Berdasarkan pengajaran uji cuba ini, kaedah *World Café* melibatkan masa yang agak lama untuk pelajar bergerak, menjana idea dan memproses maklumat. Guru juga perlu meneliti agar keseronokan pelajar terkawal dan mereka dapat menyelesaikan perbincangan dalam masa yang ditetapkan. Oleh itu, untuk pengajaran yang berikutnya, kaedah main peran dijalankan. Dalam aktiviti ini, setiap kumpulan dianggotai tiga orang pelajar. Setiap



pelajar memainkan peranan yang berbeza bagi setiap pusingan iaitu penyoal (bertanyakan soalan), pembentang (memberikan respons) dan penilai (membuat penilaian berdasarkan senarai semak). Terdapat tiga pusingan kesemuanya yang meliputi tiga soalan lisan dan pelajar bergilir-gilir memainkan peranan yang berbeza mengikut putaran jam.

Seterusnya, permainan *Hot Seat* telah dijalankan semasa aktiviti pembentangan. Beberapa buah kerusi diletakkan di hadapan kelas. Pelajar harus menjawab soalan yang dikemukakan oleh rakan pelajar. Aktiviti ini memaksa pelajar untuk bertutur secara spontan dan membentangkan pemikiran secara sistematik dengan mengaplikasikan akronim. Dalam aktiviti ini, pelajar lain juga akan mempunyai peluang untuk bertanya soalan sekiranya respons rakan mereka kurang menyeluruh. Hal ini dilakukan untuk melatih tubi kemahiran pelajar untuk berkomunikasi dengan berkesan dan berfikir secara kritikal.

## Kitaran kedua

Beberapa rakaman pelajar diperdengarkan dan guru mencatatkan kekuatan dan kelemahan pelajar. Daripada cadangan dan maklum balas yang diberikan oleh guru mengenai prestasi pelajar semasa ujian lisan pertengahan tahun, langkah intervensi yang lebih terperinci disusun untuk membantu pelajar daripada tahap kemahiran yang berbeza. Menerusi pemerhatian guru, susunan idea serta kesinambungan hujah yang diberikan pelajar boleh dipertingkatkan. Dua lagi klip video yang berkenaan sistem pengangkutan dan penampilan diri telah dikupas. Rutin mencerna soalan dan menjawab secara sistematik dengan menggunakan kaedah akronim A/S(K±P<sup>2</sup>)/X turut diulang kaji.

Kali ini, guru menggunakan teknik berfikir iaitu *Thinking Aloud* untuk mengajak pelajar berfikir tentang isu yang dipaparkan serta *modeling* untuk melatih-tubi pelajar. Guru juga mengukuhkan penyerapan aplikasi kemahiran berfikir melalui kaedah penyoalan yang digunakan. Setelah membincangkan isi-isi relevan yang patut disebutkan berdasarkan video, para pelajar bergerak dalam kumpulan masing-masing untuk menjalani aktiviti bermain peran seperti yang dilakukan dalam putaran satu. Untuk memastikan penyampaian pelajar memperlihatkan kaitan antara satu sama lain, senarai penanda wacana

dijadikan sebagai rujukan. Hal ini penting kerana penyampaian yang koheren dapat meningkatkan kelancaran pertuturan pelajar. Sebagai kerja individu, pelajar harus menulis respons mereka sebelum merakamkannya. Dengan cara ini, para pelajar dapat memerhati dan meneliti sama ada hujah mereka teratur dan bernas dalam bentuk tulisan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan melalui data kualitatif yang mengambil kira kiraan purata peratusan pelajar yang lulus dan cemerlang, gred piawai min (MSG), markah min dan sisihan piawai varian. Keputusan yang diperoleh pelajar yang mewakili golongan HA-MA-LA (kemahiran tahap tinggi, kemahiran tahap sederhana dan kemahiran tahap rendah) semasa menduduki praujian, ujian pertengahan tahun dan pascaujian.

Rajah 3 : Keputusan Ujian Lisan


	Lulus (%)	Cemerlang (%)	MSG	
			Sebenar	Jangkaan
Praujian	100	0	4.5	3.00
Ujian Pertengahan	100	48.2	2.6	3.00
Pascaujian	100	58.6	2.3	3.00

Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan 48.2% (14) telah mencapai markah cemerlang atau distinction dalam ujian pertengahan. Dapatan kajian juga menunjukkan 58.6% (17) pelajar berjaya mendapat markah cemerlang untuk pascaujian akhir tahun iaitu peningkatan 10.4% berbanding dengan ujian pertengahan tahun.

Berdasarkan peningkatan markah piawai min (MSG), terdapat peningkatan yang ketara daripada 4.5 dalam latihan praujian kepada 2.6 yang kemudiannya mencatatkan peningkatan yang gradual kepada 2.3 dalam pascaujian. Jelas, pelajar telah menemui jangkaan MSG yang telah ditetapkan jabatan.



Rajah 4 : Perbandingan Markah Pencapaian Pelajar dalam Ujian-ujian



Rajah 4 menunjukkan markah min yang diperoleh pelajar yang telah dikategorikan kepada golongan HA-MA-LA dalam praujian, pertengahan ujian dan pascaujian. Markah penuh bagi komponen lisan ialah 40 markah. Para pelajar HA berjaya memperoleh markah min 30 dalam pertengahan ujian dan markah min 31.75 semasa pascaujian. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa strategi intervensi yang dijalankan telah meningkatkan prestasi pelajar untuk berbicara dengan bernes dan matang. Sisihan piawai bagi praujian dan ujian pertengahan menunjukkan peningkatan sebanyak (+5) markah sementara terdapat peningkatan (+1.75) markah bagi ujian pertengahan dan pascaujian.

Para pelajar yang dalam golongan yang pada awalnya meraih markah min 23.6 kemudiannya memperoleh markah min 26.8 dalam pertengahan ujian. Namun, prestasi mereka yang kurang konsisten mengakibatkan penurunan terhadap markah min iaitu sebanyak 25.8, semasa pascaujian. Pelajar secara umumnya dapat menggambarkan video yang ditonton tetapi kemungkinan struktur respons yang bercelaru dan kebolehan berbahasa menyebabkan penurunan markah pelajar. Sisihan piawai bagi praujian dan ujian pertengahan menunjukkan peningkatan sebanyak (+3.2) markah sementara terdapat penurunan (-1) markah bagi ujian pertengahan dan pascaujian.

Kemajuan yang sangat memberangsangkan dapat dilihat bagi golongan pelajar LA. Walaupun mereka meraih tahap markah min 22 pada awalnya, mereka berjaya memperoleh markah min 23.67 dalam pertengahan ujian dan kemudiannya melonjak kepada markah min 26 semasa pascaujian. Pelajar LA yang dahulunya berasa kurang yakin kini dapat mengembangkan

idea-idea mereka dengan menggunakan kosa kata yang relevan. Mereka lebih selesa bertutur apabila dibantu dengan kaedah akronim A/S( $K \pm P^2$ )/X. Sisihan piawai bagi praujian dan ujian pertengahan menunjukkan peningkatan sebanyak (+1.67) markah sementara terdapat peningkatan (+2.3) markah bagi ujian pertengahan dan pascaujian. Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar mendapat markah yang lebih baik sewaktu tahap pascaujian berbanding dengan praujian.

## KESIMPULAN

Dapatan daripada kajian pengajaran ini amat memberangsangkan melalui kiraan peratusan pelajar yang lulus dan cemerlang. Walaupun proses ini agak rumit dan panjang, matlamat kajian untuk meningkatkan keyakinan diri pelajar dan melahirkan pendapat dengan cara yang sistematik dengan menggunakan laras Bahasa Melayu yang rasmi, telah pun tercapai. Pada kitaran kajian kedua, peningkatan dalam mutu respons pelajar dapat dilihat dengan lebih jelas. Bukan itu sahaja, setiap pelajar didapati berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memberikan prestasi yang terbaik untuk mengatasi kemampuan rakan-rakan yang lain. Mereka juga turut saling menghulurkan bantuan, lebih-lebih lagi kepada rakan-rakan mereka yang lebih lemah, sekali gus menerapkan aspek-aspek *Social Emotional Learning (SEL)* dalam kalangan pelajar.

Namun, guru masih menghadapi cabaran menangani pelajar yang hanya mengemukakan pandangan yang cetek. Oleh yang demikian, guru-guru masih perlu memainkan peranan yang aktif ketika sesi perbincangan dan bertanyakan soalan-soalan supaya dapat merangsang proses pemikiran pelajar. Rutin yang diterapkan juga memberi peluang bagi para pelajar mengembangkan pandangan secara berperingkat dan mendalam.

Secara syumul, perancah pembelajaran yang tersusun dan pelantar untuk pelajar berlatih mengaplikasikan kaedah akronim berjaya untuk menaik taraf prestasi pelajar. Justeru, melahirkan pelajar-pelajar yang lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan memberikan respons yang bernas terhadap soalan-soalan yang beraras tinggi.



## RUJUKAN

- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives, Handbook I: The Cognitive Domain*. New York: David McKay Co Inc.
- Dewey, John. (1933). *How We Think: A Restatement of the Relation of Reflective Thinking to the Educative Process* (1910), revised edition. Boston: Heath.
- Gardner, H. (1993). *Multiple intelligences: The theory in practice*. New York: Basic Books.
- Kagan, J. (1994). *Galen's prophecy. Temperament in human nature*. New York: Basic Books.
- McCarthy, P. And Hatcher, C. (2002). Presentation Skills : The Essential Guide for Students.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes* Cambridge, Mass.: Harvard University Press.